

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**BAGI BULAN MAC 2018**

**28 MAC 2018 (RABU)**  
**AUDITORIUM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**PUTRAJAYA**

***Bismillahirrahmanirrahim,***

Terima kasih kepada saudara dan saudari pengacara majlis serta kumpulan koir gabungan Bahagian Sumber Manusia, Unit Komunikasi Korporat dan Pusat Inovasi Nilai, Jabatan Perdana Menteri. Juga kepada Encik Zarul Anas Firdaus bin Che Abas yang telah memimpin bacaan doa.

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)

Yang Berusaha Encik Zakaria bin Shaaban  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan  
Penasihat Undang-Undang

Tuan rumah bersama bagi perhimpunan bulanan pada bulan Mac ini  
iaitu:

Yang Berbahagia Datuk Haji Akbar bin Haji Samon  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia

Yang Berusaha Tuan Haji Muhamad Aszahari bin Abdul Rahman  
Timbalan Ketua Komunikasi Korporat, dan

Yang Berusaha Puan Noor Maliza binti Jamal  
Ketua Pusat Inovasi Nilai, Jabatan Perdana Menteri

Penceramah jemputan bagi sesi ceramah selepas perhimpunan ini, iaitu  
Yang Berusaha Encik Johan Mahmood Merican  
Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan),  
Merangkap Ketua Unit Khas TN50 dan CSDU  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-  
Setiausaha Bahagian, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati  
sekalian.

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,***

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan kurnia Nya, maka dapat kita bersama pada pagi yang mulia ini dalam perhimpunan bulanan bagi bulan Mac tahun 2018. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.
2. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Bersama Majlis Perhimpunan Bulanan pada bulan ini serta kumpulan koir sebentar tadi yang berupaya menjalankan tugas yang terbaik.

## **PENGHARGAAN PENERIMA ANUGERAH JABATAN PERDANA MENTERI**

3. Tahniah dan syabas kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang telah menerima:
  - a) Anugerah Peminjam Paling Aktif @ Perpustakaan JPM bulan Februari 2018;
  - b) Anugerah Penjawat Cemerlang Bulan Februari 2018; dan
  - c) kepada pegawai dan kakitangan yang telah menerima surat kenaikan pangkat.
  
4. Semoga anugerah yang diterima ini memberi semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meneruskan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas seharian dan saya juga berharap ia menjadi pendorong kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang lain untuk meningkatkan usaha dan komitmen masing-masing bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di Jabatan Perdana Menteri di samping merebut peluang sebagai penerima anugerah pada masa hadapan.
  
5. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada warga kerja baharu Jabatan Perdana Menteri. Semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dapat meningkatkan lagi prestasi cemerlang Jabatan Perdana Menteri dan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada *stakeholder*.

6. Tidak ketinggalan juga, kepada pegawai-pegawai yang telah bertukar dan juga kepada pegawai-pegawai yang bersara pada bulan Februari dan Mac 2018, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam terutamanya di Jabatan Perdana Menteri. Selamat maju jaya diucapkan kepada yang bertukar ke Jabatan baharu serta selamat melayari fasa kehidupan yang baharu bagi yang bersara.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

### **LAPORAN TAHUNAN PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA 2017**

7. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 23 Mac 2018 yang lalu telah melancarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2017, iaitu bukti pencapaian dan kejayaan Kerajaan yang amat membanggakan sepanjang tahun 2017 hasil daripada Program Transformasi Negara yang telah dilancarkan pada tahun 2010.
8. Malaysia menghampiri matlamat untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi berdasarkan kepada pengurangan jurang antara Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara dengan ambang pendapatan tinggi Bank Dunia dari 33% pada tahun 2010 kepada 20% pada tahun 2017.
9. Di samping itu juga pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah berkembang 5.9% pada tahun ini,

mengatasi kadar pertumbuhan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Korea Selatan dan Taiwan.

10. Laporan Daya Saingan Global 2017 - 2018 telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-23 paling berdaya saing, dan hanya di belakang Singapura dalam kalangan negara ASEAN. Syarikat-syarikat luar memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan disebabkan dasar kerajaan yang menjadikan negara ini sebuah destinasi yang menarik.
11. Dalam ucapan YAB PM juga, beliau menekankan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memfokuskan kepada 4 ramuan utama dalam menjadikan Negara Malaysia sebuah Negara yang beliau impikan untuk seluruh rakyat iaitu:

- a. **Pendidikan** – Kerajaan telah sediakan pelbagai subsidi, bantuan, kemudahan dan infrastruktur pendidikan, dari peringkat pra-sekolah hinggalah ke peringkat kedoktoran falsafah;

Saya bersetuju dengan kenyataan ini kerana dilihat pada harini kadar buta huruf atau mereka yang tidak mendapat pelajaran adalah hampir zero di negara ini. InsyaAllah, kerajaan akan sentiasa memberikan penekanan dan fokus kepada isu pendidikan bagi memastikan rakyat Malaysia adalah celik huruf dan menjadi rakyat yang mempunyai taraf pendidikan yang sama antara satu sama lain.

- b. **Kesihatan** - Kerajaan terus memperuntukkan sejumlah besar untuk sektor kesihatan, dan kos rawatan dan ubat-

ubatan yang disediakan di Hospital-hospital Kerajaan adalah amat rendah;

**c. Pembangunan Infrastruktur** - Kerajaan mengambil langkah melabur besar-besaran dalam aspek ini terutama aspek jalan raya dan pengangkutan awam seperti MRT, Lebuhraya Pan Borneo, & ECRL;

**d. Revolusi Digital** - Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merancakkan peluang pekerjaan melalui dunia digital sebagai contohnya dengan mewujudkan Digital Free Trade Zone atau DFTZ, yang pertama seumpamanya di luar China.

12. Di samping itu, Kerajaan juga dalam usaha bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia termasuk ruang dan peluang untuk mendiami kediaman sendiri yang selesa dan mampu dimiliki telah melaksanakan pelbagai inisiatif perumahan seperti PR1MA, RUMAW1P, PPA1M, Rumah Mesra Rakyat, PPR, dan Perumahan Generasi Kedua FELDA. Ini adalah antara contoh-contoh dimana Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat atau rakyat didahulukan dalam konteks kita sebagai sebuah negara Malaysia.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

### **KEBERHASILAN MENGAGUMKAN**

13. Tema perhimpunan kita pada hari ini ialah Keberhasilan Mengagumkan. Sepertimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 5 Februari 2018 yang lalu, sekiranya tahun 2017 adalah Tahun Penyampaian atau *The Year Of Delivery*, maka kerajaan menetapkan tahun 2018 adalah Tahun Kejayaan dan Keberhasilan Yang Mengagumkan atau *The Year Of Success and Impressive Result*.
14. Bertepatan dengan tema perhimpunan bulan ini, kita sebentar tadi telah menyaksikan persembahan khas berkenaan inisiatif kerajaan serta pencapaian rakyat dan Negara hasil daripada program-program yang telah dilaksanakan. Tahun 2018 merupakan tahun yang penting selepas kejayaan melaksanakan aspirasi 2017 sebagai tahun penyampaian.
15. Antara program-program yang memberi impak tinggi kepada rakyat serta merupakan *WOW Factors* di bawah Jabatan Perdana Menteri antaranya adalah :
  - i) Inisiatif perumahan seperti Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).



- ii) Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)
- iii) Keretapi Laju Kuala Lumpur – Singapura (*Kuala Lumpur – Singapore High Speed Rail @ KL – SG HSR*)
- iv) Projek Transit Aliran Massa (*Mass Rapid Transit, MRT*)
- v) Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Railway Link, ECRL*)

16. Ini lah contoh-contoh yang saya sebutkan dari awal tadi untuk kita bawa ke luar apabila kita berhadapan dengan masyarakat untuk kita menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan dan kehendak rakyat.

**UNIT PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM (CIVIL SERVICE DELIVERY UNIT, CSDU) – CERAMAH BERKAITAN KEBERHASILAN MENGAGUMKAN**

17. Kita amat bertuah kerana pada perhimpunan kali ini, Jabatan Perdana Menteri menjemput Yang Berusaha Encik Johan Mahmood Merican, Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), merangkap Ketua Unit Khas TN50 dan CSDU, Unit Perancang Ekonomi untuk mengupas dengan lebih lanjut tema perhimpunan iaitu Keberhasilan Mengagumkan.

18. Untuk makluman, Kerajaan telah menubuhkan Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Civil Service Delivery Unit, CSDU*) pada Mac

2017 untuk mengambil alih peranan/tugas dari Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk membina budaya kerja lebih berdaya saing dan berorientasikan pencapaian dalam perkhidmatan awam.

19. Mungkin Encik Johan juga akan mengupas akan hasil yang kita perolehi dan lalui menerusi beberapa aspirasi. Kita lihat TN50 ini merupakan pelan jangka panjang yang fokus kepada faktor semasa yang lebih jauh demi kesejahteraan rakyat pada tahun 2050 nanti. Apa yang Kerajaan buat ini adalah untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2050 nanti, kita telah mencapai ke arah negara maju.

### **PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN YANG MEMERINTAH**

20. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah berjaya membawa negara di landasan yang terbaik. Kita sebagai penjawat awam bukan sekadar bekerja biasa tetapi kita bekerja dan berkhidmat mewakili rakyat, kerajaan dan negara. Kita perlu berterima kasih kepada kerajaan atas pelbagai inisiatif serta insentif yang telah diberikan.
21. Antara insentif yang dinikmati oleh penjawat awam termasuklah penambahbaikan skim-skim perkhidmatan, perubahan saraan dan elaun, faedah persaraan, peluang melanjutkan pelajaran, kemudahan cuti, peluang kenaikan pangkat bagi yang berprestasi cemerlang, kemudahan rawatan perubatan serta lain-lain kemudahan yang turut dipanjangkan untuk ahli keluarga terdekat.

22. Warga Jabatan Perdana Menteri perlu komited dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mendokong sekaligus menyokong Kerajaan membangunkan Negara. Kesemua kemudahan dan imbuhan yang dinikmati oleh kita sebagai Penjawat Awam adalah kerana hubungan kerjasama yang kukuh di antara Kerajaan yang baik dan Perkhidmatan Awam yang cekap lagi efisien.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

23. Kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa negara akan melaksanakan proses pembentukan kerajaan baharu melalui pilihanraya yang akan diadakan dalam masa yang terdekat. Dalam hal ini, saya sekadar ingin mengingatkan diri sendiri dan juga hadirin sekalian dalam melaksanakan tanggung jawab sebagai pengundi dengan penuh tanggungjawab.

24. Kita perlu membuat pilihan yang tepat bagi memastikan kelangsungan suasana aman dan kestabilan ekonomi yang kita nikmati lebih daripada 60 tahun iaitu sejak kemerdekaan pada tahun 1957 berterusan dapat dinikmati oleh generasi yang seterusnya. InsyaAllah.

25. Bagi mengakhiri ucapan, saya menyeru semua warga Jabatan Perdana Menteri khususnya agar terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara serta menyokong dan menjayakan agenda negara.

26. Untuk itu, kita semua perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, inovatif dan kreatif hingga mampu menyumbang kepada budaya kerja yang mementingkan keberhasilan yang mengagumkan serta meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan seiring hasrat kerajaan menjadikan tahun 2018 sebagai tahun kejayaan dan keberhasilan yang mengagumkan bagi negara dan seterusnya menjadikan tahun 2018 sebagai tahun yang lebih bermakna pada kita semua.
  
27. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Bahagian Sumber Manusia, Unit Komunikasi Korporat serta Pusat Inovasi Nilai, Jabatan Perdana Menteri di atas kejayaan menganjurkan majlis perhimpunan bulanan pada kali ini. Terima kasih juga kepada semua warga JPM yang sama-sama hadir di majlis pada pagi ini.
  
28. Marilah kita bersama-sama berdoa agar dengan segala yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan sebaik mungkin.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.